

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin  
off Jalan Tuanku Abdul Halim  
50480 Kuala Lumpur

Tel : 603-6209 2000  
Fax : 603-6203 1005  
E-mail : [integriti@integriti.my](mailto:integriti@integriti.my)  
Website : [integriti.my](http://integriti.my)

 [integriti.my](#)

 [integritidotmy](#)

 [integriti.my](#)

2019

# KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi 2

Laporan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif 3

Sorotan Pencapaian IIM (Januari Hingga Disember 2019) 6

Profil Korporat 8

Penyataan Mengenai Tadbir Urus Korporat 11

Lembaga Pengarah 14

Carta Organisasi 16

Ahli-ahli IIM 18

**Laporan Bahagian Khidmat Korporat** 21

Seksyen Pentadbiran & Pengurusan Sumber Manusia 21

Seksyen Komunikasi Korporat 24

Seksyen Teknologi Maklumat 34

Pusat Pengurusan Ilmu 35

**Laporan Bahagian Operasi** 36

Seksyen Sistem Pengurusan 36

Anti Bribery Management Systems (ABMS) 36

Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) 38

Corruption Risk Management (CRM) 42

Seksyen Profil & Penilaian 44

Individual Integrity Profiling (IIP) 44

Integrity Assessment Tool (IAT) 47

Community Integrity Building (CIB) 48

Seksyen Latihan 49

The Ethics and Integrity Training Programme (E&I / DTRT) 49

Seksyen Pembangunan Perniagaan 55

Keratan Akhbar 59

**Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan** 69

Director's Report and Audited Financial Statements 103

## PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pemupukan integriti bukan satu kerja mudah namun tidak mustahil. Integriti perlu bermula dari hati dan perlu diterjemahkan melalui cara berfikir, tutur kata, tingkah laku serta cara kita melaksanakan kerja. Pengamalan budaya berintegriti tinggi dan nilai-nilai murni secara berterusan dan bersederhana dalam kalangan masyarakat Malaysia dalam segala hal akan meyumbang kepada pembinaan negara yang bertamadun tinggi. Untuk menjayakannya, ia memerlukan perancangan, pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan yang berkesan. Kerjasama semua pihak secara kolektif dalam memantapkan dan mengamalkan integriti ini perlu dilakukan secara sistematis, komitmen yang tinggi dan penuh keikhlasan.

Tahun 2019 merupakan tahun yang agak mencabar dengan hala tuju baru yang diamanahkan kepada Institut Integriti Malaysia (IIM). IIM telah diminta oleh Kerajaan membantu Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) di peringkat operasi dengan memainkan peranan dalam

pembangunan kapasiti dan kompetensi kepada semua sektor awam dan badan korporat menerusi penekanan terhadap penggunaan instrumen dan teknologi semasa. Namun, IIM telah melaksanakan amanah dan menunjukkan prestasi yang memberangsangkan melalui strategi dan pelan perniagaan yang teliti. Saya juga yakin IIM akan menjadi peneraju utama negara dalam membantu Malaysia mencapai taraf negara berintegriti tinggi dan mengamalkan nilai-nilai murni sejagat selaras dengan visi dan misi yang telah ditetapkan.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, Ahli-Ahli IIM, rakan-rakan strategik dan semua warga IIM atas kepercayaan, sokongan serta kerjasama yang telah diberikan selama ini dalam menjayakan agenda integriti negara. Semoga usaha murni yang dilaksanakan ini dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia dan dirahmati Allah SWT.



DATUK SERI DR. ISMAIL HAJI BAKAR



# LAPORAN DAN PERUTUSAN PEMANGKU KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

## 1.0 PENDAHULUAN

Tahun 2019 merupakan tahun yang mencabar bagi Institut Integriti Malaysia (IIM). Pada 21 September 2018, di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Bilangan 3, IIM telah diberikan tanggungjawab oleh Kerajaan untuk membantu Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) di peringkat operasi dengan memainkan peranan dalam pembangunan kapasiti kepada semua sektor awam dan badan korporat menerusi penekanan terhadap penggunaan instrumen dan teknologi semasa dalam langkah pencegahan rasuah.

Dari itu, IIM perlu merangka satu strategi yang mantap dan praktikal dengan memberi fokus kepada aplikasi instrumen dan teknologi terkini langkah pencegahan yang dapat membantu organisasi di sektor awam dan swasta menyediakan satu platform yang kukuh untuk mencegah rasuah di samping membina budaya integriti dan governans yang tinggi.

Alhamdulillah, bagi tahun 2019, IIM telah dapat menjalankan peranan yang diberikan dan menunjukkan prestasi yang memberangsangkan melalui strategi, pelan perniagaan dan penjenamaan semula dalam menyokong aspirasi Kerajaan.

## 2.0 STRATEGI

Demi menggalas tanggungjawab baharu ini, IIM telah menggariskan enam (6) strategi utama seperti berikut:

- i) Merasionalisasikan aliran tunai supaya IIM dapat beroperasi dengan peruntukan sendiri;
- ii) Membangunkan produk dan perkhidmatan yang menepati dengan kehendak semasa;
- iii) Membangunkan kapasiti dan kompetensi sumber manusia;
- iv) Membina rangkaian dengan pemegang taruh;
- v) Memperkuuhkan struktur organisasi untuk menyokong Visi dan Misi IIM; dan
- vi) Mengukuhkan sistem dan prosedur dalaman.

## 3.0 PELAKSANAAN STRATEGI

### 3.1 Merasionalisasikan aliran tunai supaya IIM dapat beroperasi dengan peruntukan sendiri

Di awal penubuhan pada tahun 2004, semua program dan aktiviti yang dijalankan oleh IIM ditanggung melalui dana yang diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan. Sebagai sebuah institusi CLBG (syarikat berhad menurut jaminan), IIM telah diminta oleh Kementerian Kewangan untuk mula menjana pendapatan sendiri.

Dengan itu, pelan perniagaan tahunan telah dibangunkan dengan penetapan petunjuk prestasi utama untuk membolehkan IIM merancang operasi dengan lebih berkesan. IIM telah menasarkan pendapatan sebanyak RM 1 juta bagi tahun 2019. Alhamdulillah, dalam tempoh Mei hingga Disember 2019, jumlah pendapatan sebenar IIM adalah sebanyak RM1.4 juta iaitu sebanyak RM400,000 melebihi sasaran. Ini menunjukkan produk dan perkhidmatan yang yang diberikan oleh IIM dalam bentuk langkah pencegahan telah mendapat sambutan yang baik dari sektor awam dan swasta.

### 3.2 Membangunkan produk dan perkhidmatan yang menepati dengan kehendak semasa

IIM peka dengan situasi semasa dan kehendak pasaran dalam menawarkan produk dan perkhidmatannya. Pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) pada 29 Jauari 2019 dan Pindaan Akta SPRM Seksyen 17A yang dijangkakan pada 1 Jun 2020 memberikan impak yang signifikan terhadap penawaran produk dan perkhidmatan IIM seperti Pelan Antirasuah Organisasi (OACP), Pengurusan Risiko Rasuah (CRM), Anti-Bribery Management Systems (ISO 37001:2016), ujian psikometrik (Individual Integrity Profile - IIP), Integrity Assessment Tool (IAT), Community Integrity Building (CIB), Program Latihan berkaitan Ethics & Integrity dan Do The Right Thing. Sehingga akhir tahun 2019, IIM telah membantu lebih daripada 100 organisasi termasuk agensi Kerajaan mahupun badan korporat mengaplikasikan instrumen dan teknologi semasa melalui produk dan perkhidmatan yang diberikan.

	Produk	Bil. Organisasi
1	ABMS	13
2	OACP	40
3	CRM	9
4	IIM	9
5	IAT	15
6	CIB	3
7	Program latihan	12

### 3.3 Membangunkan kapasiti dan kompetensi sumber manusia

IIM telah memperkasakan dasar pembangunan sumber manusia dan secara berperingkat meningkatkan nisbah bilangan pegawai berbanding kumpulan pelaksana daripada 40% pegawai dan 60 % kumpulan pelaksana kepada 60% pegawai dan 40% kumpulan pelaksana. Ini adalah perlu untuk menyokong fungsi semasa IIM sebagai badan pembangunan kapasiti sektor awam dan swasta. Setiap pegawai dilatih supaya berkebolehan untuk ‘multi-skilling’ dan menjadi “subject matter expert” .

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) menggunakan Balance Score Card juga diperaktikkan untuk menilai prestasi kewangan (financial), pelanggan (customer), proses dalaman (internal process) serta pembelajaran dan pembangunan (learning and growth). KPI tersebut akan dipantau melalui empat (4) peringkat iaitu peringkat organisasi (IIM), bahagian, seksyen dan individu. Pemantauan dan penilaian KPI dibuat sebulan sekali dan pemantauan secara berterusan atas talian (online) sedang dibangunkan oleh Seksyen Teknologi Maklumat.

Pelan penggantian (Succession plan) dan laluan kerjaya juga dirancang untuk dilaksanakan bagi membolehkan pembangunan kerjaya yang sistematik, adil dan telus dalam kalangan pegawai IIM. Pada tahun 2019, seramai 8 orang pegawai IIM telah layak untuk kenaikan pangkat dan seramai 12 orang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

### 3.4 Membina rangkaian dengan pemegang taruh

IIM sedang melebarkan sayap dengan mengadakan kerjasama dengan pelbagai organisasi. Antara organisasi yang telah bekerjasama dengan IIM adalah Malaysian Employers Federation (MEF), Federation of Malaysian Manufacturers (FMM), Malaysian Institute of Corporate Governance (MICG), Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM), Malaysia Psychometrics Association (MPA), Center to Combat Corruption & Cronyism (C4), Malaysian Institute of Management (MIM), The Iclif Leadership & Governance Centre (ICLIF) dan Malaysian Corruption Watch (MCW).

### 3.5 Memperkuuhkan struktur organisasi untuk menyokong Visi IIM

Bagi membolehkan IIM beroperasi dengan lebih efektif, pengukuhan struktur organisasi telah dilaksanakan. Seksyen baharu seperti Seksyen Pembangunan Perniagaan, Unit Audit Dalam dan seksyen-seksyen khusus menguruskan setiap produk telah diwujudkan. Di peringkat Lembaga Pengarah pula, IIM telah menubuhkan jawatankuasa utama seperti Jawatankuasa Audit dan Risiko, manakala Jawatankuasa Pelaburan telah dimansuhkan. Semakan Memorandum and Association (M&A) IIM telahpun dibuat untuk menambah baik klausa-klausa di dalam M&A supaya ia selari dengan hala tuju baharu IIM. Cadangan penambahaikan ini telah dibentangkan kepada Ahli IIM pada Mesyuarat Agung Tahunan 2018 pada 28 Jun 2019 dan Mesyuarat Agung Luar Biasa 2018 pada tarikh yang sama dan Mesyuarat Agung Luar Biasa 2018 kali ke-2 pada 8 Oktober 2019 dan telah diluluskan pada 29 Januari 2020.

### 3.6 Mengukuhkan sistem dan prosedur dalaman

Bagi meningkatkan governans, integriti dan antirasuah IIM, pembangunan sistem dan prosedur yang efektif adalah perlu agar IIM menjadi contoh kepada organisasi lain. Beberapa standard antarabangsa diguna pakai oleh IIM dalam usaha untuk meningkatkan profesionalisme dalam penyampaian perkhidmatan. Antaranya ialah Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001 dan Sistem Pengurusan Antirasuah ISO 37001. Kedua-dua sistem ini sedang dibangunkan dan dijangka sedia untuk dipersijilkan menjelang bulan Disember 2020. Selain daripada itu, IIM juga sedang membangunkan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP). IIM juga telah membangunkan beberapa jawatankuasa untuk memperkasakan pengurusan IIM. Antaranya ialah,

- i) Jawatankuasa Security, Safety, Health and Environment (SSHE)
- ii) Jawatankuasa Perolehan
- iii) Task Force Inisiatif Digital (TFID)
- iv) Jawatankuasa Penjenamaan

Dalam aspek keselamatan dan kesihatan, Jawatankuasa Security, Safety, Health and Environment (SSHE) yang ditubuhkan bertindak sebagai focal point mengenai aspek keselamatan, kesihatan dan penjagaan alam sekitar di IIM. IIM telah menaik taraf sistem ‘fire fighting’, mengecat semula bangunan, mengecat semula petak parkir dan garisan keselamatan sekitar bangunan. Penyelenggaraan fasiliti (preventive maintenance) juga telah dilaksanakan dengan lebih efisien. Manakala dalam aspek penjagaan alam sekitar pula IIM telah melaksanakan program penjagaan lanskap yang lebih sistematis.

Jawatankuasa Perolehan telah dimantapkan untuk meningkatkan tadbir urus dalam aspek pengurusan perolehan. Jawatankuasa Penjenamaan (Branding) telah ditubuhkan untuk memantapkan imej IIM selari dengan hala tuju baharu. Selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), IIM telah menukuhan Task Force Inisiatif Digital (TFID) yang bertanggungjawab untuk menguruskan transformasi digital IIM.

Dengan pelaksanaan program pendigitalan ini, penyampaian perkhidmatan IIM dari segi kualiti dan produktiviti akan dapat ditingkatkan dan kos operasi boleh dikurangkan.

### 4. PENGHARGAAN

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan Pengerusi IIM, YBhg Datuk Seri Dr. Ismail Haji Bakar yang juga merangkap Ketua Setiausaha Negara dan juga kepada seluruh Lembaga Pengarah IIM terutamanya Tan Sri Abu Kassim Mohamed dan pihak GIACC serta ahli-ahli lembaga yang kini serta yang telah bersara atas sumbangan mereka kepada organisasi ini melalui kepercayaan, sokongan, bantuan serta nasihat yang diberikan kepada pihak IIM.

Tidak lupa juga kepada semua ahli dan warga IIM yang sentiasa menjadi tonggak utama dan memberi sokongan padu tanpa berbelah bahagi. Sesungguhnya kejayaan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh komitmen yang tidak berbelah bagi dari warga kerja kami dan sokongan pelbagai pihak berkepentingan.


Ucapan terima kasih ini juga tidak dilupakan terutamanya kepada YAB Perdana Menteri, YBhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad atas kepercayaan dan sokongan yang telah diberikan selama ini dalam menjayakan agenda integriti negara. Semoga usaha-usaha murni yang dilaksanakan ini dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia dan dirahmati Allah SWT.


#### “Integriti, Kerja Berpasukan, Profesional”

Saya yang menjalankan amanah,

**NOR'AFIZA SAIM**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Institut Integriti Malaysia

## SOROTAN PENCAPAIAN IIM (JANUARI HINGGA DISEMBER 2019)





# **PROFIL KORPORAT**

# PROFIL KORPORAT

Institut Integriti Malaysia (IIM) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat pada 4 Mac 2004 berfungsi sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi tujuan mengkoordinasi, memantau dan menilai pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN). Manakala, seiring dengan hala tuju baharu negara, bermula Januari 2019, IIM diamanahkan sebagai badan operasi untuk membangunkan kapasiti dan kompetensi sektor awam dan swasta menerusi penawaran instrumen, produk dan menyediakan perkhidmatan latihan yang mencakupi aspek governans, integriti dan antirasuah.

IIM juga selari dengan visi Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang mana sasarannya adalah untuk mewujudkan sebuah negara yang bebas rasuah melalui tiga matlamat khusus iaitu Kebertanggungjawaban dan Kredibiliti Kehakiman, Pendakwaan dan Agenzi Penguatkuasaan Undang-Undang; Penyampaian Perkhidmatan Awam yang cekap dan responsif, dan Integriti dalam Perniagaan.

IIM telah membangunkan pelbagai produk, instrumen dan menyediakan perkhidmatan latihan bagi membantu sektor awam, swasta dan pihak berkepentingan dalam meningkatkan tahap integriti dan menyediakan penyelesaian antirasuah dan tadbir urus di seluruh negara.

## VISI DAN MISI

### VISI

Untuk menjadi institusi utama dalam membangunkan budaya integriti

### MISI

- Meningkatkan kapasiti dan kompetensi sektor awam, GLC dan korporat berkaitan tadbir urus, integriti dan antirasuah.
- Menyediakan penyelesaian kepada masalah tadbir urus, integriti dan antirasuah di Malaysia.

### OBJEKTIF

- Merasionalisasikan aliran tunai supaya IIM dapat beroperasi dengan peruntukan pembiayaan sendiri;
- Membangunkan produk dan perkhidmatan yang menepati dengan kehendak semasa;
- Membangunkan kapasiti dan kompetensi sumber manusia dalam;
- Membina rangkaian dengan pemegang taruh;
- Memperkuatkkan struktur dalam organisasi untuk menyokong visi IIM; dan
- Mengukuhkan sistem dan prosedur dalam.

## NILAI TERAS



# PENYATAAN MENGENAI TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga Pengarah IIM memberi perhatian dan komitmen yang tinggi dalam memastikan tadbir urus korporat adalah berdasarkan piawaian tertinggi dalam tadbir urus korporat IIM. Justeru, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan penyata mengenai tadbir urus korporat bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

## KOMPOSISSI LEMBAGA PENGARAH IIM

IIM diketuai oleh Lembaga Pengarah yang memimpin dan mengawal perjalanan organisasi. Lembaga Pengarah merupakan golongan profesional yang berpengalaman luas, berpengetahuan dan mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang sama ada dalam perkhidmatan awam, perniagaan, kewangan mahupun perundangan.

## LEMBAGA PENGARAH

### Tugas dan tanggungjawab Lembaga Pengarah IIM

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap keseluruhan tadbir urus IIM dan merupakan badan utama yang merangka, seterusnya menentukan dasar dan hala tuju IIM untuk mencapai kejayaan dalam matlamat strategiknya. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab sepenuhnya dalam meluluskan polisi-polisi utama dan memastikan urusan atau aktiviti IIM adalah selaras dengan matlamat penubuhan IIM. Lembaga Pengarah bertanggungjawab menilai dan memantau pencapaian hala tuju strategik IIM.

Lembaga Pengarah juga turut terlibat dalam program-program anjuran IIM dan mengadakan perbincangan secara *ad-hoc* apabila diperlukan bagi memberikan pandangan, nasihat dan buah fikiran.

### Imbauhan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah menerima elauan bulanan dan elauan mesyuarat seperti mana yang termaktub di dalam Perlembagaan IIM.

### Proses Membuat Keputusan

Lembaga Pengarah akan diberi tempoh mencukupi bagi menelaah kertas cadangan sebelum membuat keputusan yang wajar dan bertepatan.

### Integriti

Sekiranya terdapat percanggahan kepentingan, Lembaga Pengarah hendaklah mengisyiharkan dan mengecualikan diri daripada pertimbangan dan pengundian yang melibatkan kepentingan mereka.

### Komposisi Lembaga Pengarah, Persaraan dan Pelantikan Semula

Lembaga Pengarah IIM dianggotai oleh enam orang ahli. Lima ahli adalah lantikan YAB Perdana Menteri manakala seorang adalah lantikan melalui Mesyuarat Agung Tahunan.

### Mesyuarat Lembaga Pengarah

Selain Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Pengarah IIM juga telah mengadakan empat mesyuarat fizikal dan tujuh mesyuarat secara edaran sepanjang tahun 2019 bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan integriti termasuk perancangan program dan aktiviti IIM. Di samping itu, perbincangan turut menyentuh hal ehwal operasi dan pentadbiran organisasi. Semua input perbincangan dan keputusan mesyuarat telah dicatatkan dan diminitkan.

### Bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah:

Berikut merupakan tarikh dan bilangan mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun 2019:

 I	Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM Bil. 1/2019 (10 Mei 2019)
 II	Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM Bil. 2/2019 (26 Ogos 2019)
 III	Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM Bil. 3/2019 (15 Oktober 2019)
 IV	Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM Bil. 4/2019 (3 Disember 2019)


Berikut merupakan kehadiran Lembaga Pengarah:

Peratusan Kehadiran	Lembaga Pengarah	Jumlah Kehadiran
 75%	Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh	3/4
 100%	Dato' Wira Dr. Ismail bin Ibrahim	4/4
 100%	Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed (mulai 8 Mei 2019)	4/4
 67%	Puan Latheefa Beebi Koya (mulai 23 Julai 2019)	2/3
 67%	Encik Wan Saifulruddin bin Wan Jan (mulai 26 Ogos 2019)	2/3
 -	Dato' Dr. Mohd Ali Mohamad (sehingga 17 Mac 2019)	-
 100%	Dato' Sri Mohd Shukri Abdull (sehingga 31 Mei 2019)	1/1
 0%	Tan Sri Datuk Amar (Dr) Hamid Bugo (sehingga 11 Julai 2019)	0/1
 50%	Tan Sri Borhan Dolah (sehingga 10 September 2019)	1/2
 0%	Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Ahmad (sehingga 3 Disember 2019)	0/4
 50%	Tan Sri Dr. Ismail bin Haji Bakar (sehingga 31 Disember 2019)	2/4

## JAWATANKUASA-JAWATANKUASA DI BAWAH LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah IIM telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk membantu dalam pelaksanaan tugas-tugasnya. Setiap jawatankuasa ini menjalankan tugas-tugasnya mengikut terma rujukan yang telah ditetapkan dan bidang kuasa yang diperturunkan oleh Lembaga Pengarah IIM.

Pengerusi bagi setiap Jawatankuasa akan melaporkan kepada Lembaga Pengarah setiap keputusan dari mesyuarat yang dijalankan dan laporan tersebut akan dimasukkan ke dalam minit Mesyuarat Lembaga Pengarah.



## LEMBAGA PENGARAH



**Tan Sri Dr. Ismail Bin Haji Bakar**  
Ketua Setiausaha Negara merangkap  
Pengerusi IIM  
**(Berhenti pada 31.12.2019)**



**Tan Sri Dato' Seri Ranjit Singh A/L  
Ajit Singh**  
Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya  
Sekuriti Malaysia  
**(2012-2018)**



**Dato' Wira Dr. Ismail Bin Haji  
Ibrahim**  
Member of Muslim World League  
Organisation Makkah Saudi Arabia



**Dato' Dr. Mohd Ali Bin Mohamad  
Nor**  
Ketua Setiausaha Kementerian  
Komunikasi dan Multimedia Malaysia  
**(Berhenti pada 17.03.2019)**



**Dato' Sri Mohd Shukri Bin Abdull**  
Ketua Pengarah Suruhanjaya  
Pencegahan Rasuah Malaysia  
**(Berhenti pada 31.05.2019)**



**Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Tommy  
Bin Bugo @ Hamid Bugo**  
Pengarah, Sapura Energy Berhad  
**(Berhenti pada 11.07.2019)**



**Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed**  
Ketua Pengarah Pusat Governans,  
Integriti dan Antirasuah Nasional  
(GIACC)  
(Dilantik pada 08.05.2019)



**Latheefa Beebi Koya**  
Ketua Pengarah Suruhanjaya  
Pencegahan Rasuah Malaysia  
**(Dilantik pada 23.07.2019,**  
**berhenti pada 09.03.2020)**



**Wan Saifulruddin Bin Wan Jan**  
Pengerusi Perbadanan Tabung  
Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)  
**(Dilantik pada 26.08.2019)**





**Tan Sri Borhan Bin Dolah**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan  
Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam  
Malaysia  
**(Berhenti pada 10.09.2019)**



**Profesor Emeritus Dato' Dr.  
Ibrahim Bin Ahmad**  
INTI-Laureate International  
**(Berhenti pada 03.12.2019)**

## CARTA ORGANISASI





## AHLI-AHLI IIM

**A**

YBhg. Dato' Haji A.Aziz Deraman  
YBhg. Datin Aminah Binti Pit Abd Rahman  
YBhg. Dato' Anthony Reynolds Peter  
YBhg. Datuk Haji Abdul Ghani Bin Salleh  
YBrs. Dr. Al Azmi Bakar  
YBrs. Tuan Haji Abu Hurairah Bin Ahmad  
YBrs. En. Ahmad Zakir Bin Abdul Rahman  
YBhg. Dato' Akhbar Satar  
YBrs. Dr. Azrin Binti Ibrahim  
YBhg. Leftenan Komander (B) Dr. Abu Yazid Bin Abu Bakar  
YBhg. Dato' Ir Ahmad Asri Abdul Hamid

**K**

YBrs. En. P. Kanason A/L Pothinker

**L**

YBhg. Dato' Dr. Low Bin Tick  
YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye  
YBrs. Sister Loh Pai Ling  
YBhg. Datuk Lok Yim Pheng

**M**

YBhg. Dato' Mohamad Salleh Rafie  
YBhg. Prof Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Bin Hj Abdul Majid  
YBrs. En. Mohd Salihin Bin Othman  
YBrs. Dr. Michael Chiam Tow Hui  
YBhg. Prof. Datuk Dr. Marimuthu Nadason  
YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Yusof Hj. Othman  
YBhg. Dato' Seri Panglima Mohd Annuar Bin Zaini  
YBhg. Dato' Muthanna Bin Abdullah  
YBhg. Dato' Mohd Yusof Bin Din  
YBrs. En. Mohamad Muneer Bin Dato' Hj Mohd Nor  
YBrs. En. Mohd Faridzuan Bin Karim  
YBrs. Dr. Muhamad Azwan Abd Rahman  
YBhg. Dato' Haji Mustafa Ali  
YBrs. En. Mustaffa Kamil Ayub  
YBrs. En. Mohsin Bin Mohd Ghazali  
YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Wira Dr. Mohd Shukri Ab Yajid  
YBsr. Ustaz Dr. Mohammad Nidzam Bin Abdul Kadir  
YBrs. Tuan Haji Mustafa Bin Sidi  
YBrs. Haji Mohammad Diah Haji Wahari  
YBrs. En. Mazilan Bin Musa  
YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Mizan Bin Mohammad Aslam  
YBrs. En. Mohd Farouk Bin Mohd Mokhtar  
YBrs. En. Mohd Azkamal Bin Haji Muhamini  
YBrs. En. Meor Ibrahim Bin Othman

**B**

YBrs. Sr Hj Md Badrul Hisham Bin Awang

**C**

YBrs. En. Chu Kum Loon

**F**

YBhg. Datuk Tengku Farok Hussin Bin Tengku Abdul Jalil

**H**

YBrs. Komander Hashim Bin Adnan

**J**

YBrs. Puan Josie Fernandez  
YBrs. Puan Jamilah Hanim Othman

**N**

YBrs. En. Nik Mohamed Yusoff Afendi Jaafar  
YBhg. Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur  
YBrs. En. Nik Bin Md Riffin  
YBhg. Norazman Bin Othman  
YBrs. En. Nik Amlizan Bt Mohamed  
YBrs. Puan Noorjan Binti Mohd Mustapha  
YBhg. Dato' Ir. Noor Azahari B Zainal Abidin  
YBrs. Dr. Nurmazilah Binti Dato' Mahzan

**U**

YBrs. En. Uthaya Sankar A/L Narayanan @ Uthaya  
Sankar Sb

**W**

YBrs. En. Wan Jalani B Wan Ismail  
YBrs. En. Wan Saifuluddin Bin Wan Jan  
YBrs. En. Wong Chai Looi

**P**

Ybhg. Datuk P. Venugopal A/L V. K. Menon

**Z**

YBhg. Tan Sri Datin Paduka Seri Hajjah Zaleha Ismail  
YBrs. Dr. Zainal Abidin Abdul Majeed  
YBrs. En. Zainal Abidin Bin Pit

**R**

YBrs. Prof. Dr. Rahimah Abdul. Aziz  
YBrs. Dr. Rozaidi Bin Abdul Rahim Razali  
YBrs. En. Roslan Bin Pilus  
YBrs. En. Rama Sockalingam Nagappan  
YBrs. En. Rizal Bin Mohamed Ali  
YBrs. Prof. Dr. Rosman Bin Md Yusoff  
YBhg. Dato' Roseley Bin Omar  
YBrs. En. Roslan Bin Hanapiah

**S**

YBhg. Dato' Siva Subramaniam A/L Nagaratnam  
YBrs. Prof. Madya Dr. Sarjit Singh A/L Darshan Singh  
YBhg. Datuk Sutinah Sutan

**T**

YBrs. Dr. Tan Seng Giaw  
YBrs. En. Thai Ming Yeow  
YBrs. En. Tan King Lok

# LAPORAN

# BAHAGIAN KHIDMAT KORPORAT

Divisyen atau bahagian Perkhidmatan Korporat terdiri daripada beberapa seksyen seperti Seksyen Pentadbiran dan Pembangunan Sumber Manusia, Seksyen Komunikasi Strategik, Seksyen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Seksyen Pengurusan Ilmu dan Seksyen Kewangan dan Akaun. Seksyen-seksyen tersebut mempunyai tanggungjawab sepenuhnya untuk menyokong dan mendokong semua aktiviti perniagaan seksyen-seksyen di bawah Seksyen Operasi IIM. Seksyen-seksyen ini juga memainkan peranan penting di dalam organisasi agar aktiviti-aktiviti organisasi terutama sekali aktiviti perniagaan organisasi dapat dijalankan dengan lancar mengikut perancangan.

## SEKSYEN PENTADBIRAN & PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

### UNIT PENTADBIRAN

Pada tahun 2019, Unit Pentadbiran telah menjalankan kerja-kerja menambah baik sistem *firefighting* (mengganti tangki dan paip) serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya di Menara IIM. Selain daripada itu, IIM telah menyediakan parkir berbumbung bagi motosikal kakitangan dan pengunjung serta mengecat Menara IIM termasuk *chiller room*, pondok pengawal dan 2 wakaf.

Berikut adalah maklumat terperinci antara kerja-kerja Unit Pentadbiran sepanjang Tahun 2019:

- I Jun 2019 - Pembinaan Parkir Motosikal Berbumbung
- II Jun 2019 - Kerja-kerja penggantian tangki dan paip untuk sistem pencegah kebakaran sedia ada serta kerja-kerja berkaitan
- III November 2019 - Kerja-kerja mengecat Menara IIM, Chiller Room, Pondok Pengawal dan 2 Wakaf
- IV Pembelian 3 buah Kenderaan Jabatan
  - i Toyota Innova (VDX7786)
  - ii Proton X70 (VEA4172)
  - iii Proton X70 (VEA6104)

## Puri IIM

Sepanjang tahun 2019, seramai 684 orang pengunjung yang terdiri daripada Badan Kerajaan, Swasta, NGO serta Persendirian dengan jumlah sebanyak 870 bilik terjual.

Bagi penyewaan bilik penginapan sepanjang tahun 2019, Sektor Kerajaan merupakan pelanggan terbesar iaitu sebanyak 68% dan diikuti oleh Sektor Swasta sebanyak 28%.

## Auditorium, Dewan Murni dan Bilik Seminar

Pada tahun 2019, sebanyak 75 penyewa yang telah menyewa Auditorium, Dewan Murni dan bilik seminar di IIM bagi mengadakan mesyuarat, seminar serta majlis perkahwinan.

Sebanyak 56% penyewa persendirian yang menyewa kemudahan dewan serta bilik seminar di IIM dan diikuti sektor kerajaan sebanyak 21%.

Selain daripada itu, Unit Pentadbiran juga bertanggungjawab bagi menjaga kemudahan-kemudahan lain di Menara IIM bagi menjamin keselesaan kepada kakitangan IIM serta pengunjung.

## UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Prestasi yang cemerlang ke arah menjadi sebuah institusi utama dalam membangunkan budaya integriti memerlukan sumber manusia yang berkompetensi tinggi, berkebolehan dan berkeupayaan dalam menyediakan penyelesaian kepada masalah tadbir urus, integriti dan antirasuah di Malaysia.



### Latihan

Sebanyak 44 program latihan yang dianjurkan secara dalaman (in-house) dan penyedia latihan luar telah dihadiri oleh warga kerja.



### Warga Kerja Wanita

47% daripada warga kerja terdiri daripada wanita.



### Kumpulan Perkhidmatan

3% Kumpulan Pengurusan Tertinggi,  
44% Kumpulan Pengurusan & Profesional dan  
53% Kumpulan Pelaksana



### Pegawai Wanita

52% adalah pegawai wanita dalam pengurusan dan profesional.



### Kelayakan Akademik

63% warga kerja mempunyai sekurang-kurangnya kelayakan ijazah sarjana muda.



### Warga Kerja

Jumlah warga kerja sehingga 31 Disember 2019 adalah seramai 72 orang.

Kami memberikan tumpuan dalam menarik (*attract*), membangun (*develop*) dan mengekalkan (*retain*) pegawai yang tepat selari dengan strategi organisasi semasa.

Kami turut memperkuuhkan keupayaan barisan kepimpinan melalui proses pembangunan berterusan serta *engagement* yang kuat.

### **Latar Belakang Warga Kerja**

Warga kerja IIM terdiri dalam kalangan pegawai lantikan tetap, kontrak, sambilan dan juga peminjaman daripada jabatan/agensi luar.

Pada 31 Disember 2019, seramai 72 orang telah bersama-sama IIM mencapai visi, misi dan objektif yang dihasratkan. Ini termasuk tambahan lima orang pegawai kontrak dan lima orang pegawai sambilan juga telah dilantik bagi membantu produk dan perkhidmatan utama IIM.

Pada tahun 2019, sebanyak 26 program latihan dalaman telah dianjurkan serta 18 program latihan yang dianjurkan oleh pihak luar telah disertai oleh warga kerja. Kami melakukan pelaburan ini bagi meningkatkan kompetensi warga kerja dalam bidang governen, antirasuah dan integriti serta kemahiran dan kepakaran dalam bidang masing-masing.

Dasar pusingan kerja (*job rotation*) turut dilaksanakan bagi meluaskan laluan kerjaya serta meningkatkan keupayaan kepimpinan dalam kalangan pegawai IIM yang juga suatu usaha meningkatkan tahap kepelbagaiannya kompetensi dan kepakaran pegawai dalam bidang governen, antirasuah dan integriti.

### **Komunikasi Dan Penglibatan Warga Kerja**

Kami komited menyediakan budaya kerja yang sihat, berkolaboratif serta persekitaran kerja yang harmoni dalam kalangan warga kerja.

Pada tahun 2019, sebanyak enam sesi *employee engagement* telah diadakan bagi meningkatkan keterlibatan semua warga dalam agenda serta hala tuju semasa IIM.

Pada kebiasaannya, komunikasi antara warga serta barisan pengurusan berlaku dalam saluran rasmi mahu pun tidak rasmi termasuklah amanat daripada Ketua Pegawai Eksekutif, perhimpunan bulanan, mesyuarat, perjumpaan

dan makluman serta hebahan dalaman dijalankan secara berkala dan berterusan.

### **Tatakelakuan**

Dasar serta polisi kelakuan dan tatatertib yang lebih komprehensif juga telah dibangunkan agar setiap salahlaku pegawai diurus mengikut prosedur yang betul, tepat dan adil di samping menguatkuasakan peraturan-peraturan tatatertib melalui Terma dan Syarat Perkhidmatan Pegawai Institut Integriti Malaysia (2014).

### **Penilaian Prestasi, Pengiktirafan Dan Penghargaan**

Dalam amalan pengurusan sumber manusia, kami sentiasa memberi penekanan bagi mempertingkatkan tahap profesionalisme dalam kalangan warga kerjanya melalui proses pengambilan, latihan dan sistem penilaian prestasi yang bersetujuan.

Pelaksanaan penilaian tahunan ke atas prestasi pengurusan setiap kumpulan perkhidmatan supaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan turut dilakukan.

Seramai lapan orang telah diberikan kenaikan pangkat pada tahun 2019 atas prestasi cemerlang serta konsisten yang ditunjukkan sepanjang perkhidmatan mereka di IIM.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang untuk tahun 2019 juga diberikan kepada 13 orang warga kerja yang telah memberikan sumbangan yang signifikan kepada IIM.

Kami turut meraih dan memberikan pengiktirafan serta penghargaan atas sumbangan, dedikasi dan khidmat bakti enam orang pegawai yang telah berkhidmat selama 10 tahun di IIM pada tahun 2019.

## SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

Seksyen Komunikasi Korporat bertanggungjawab terhadap hal ehwal perhubungan awam dan komunikasi dalaman dan luaran IIM. Ini termasuk pelaksanaan program-program khas bagi mewujudkan rangkaian yang strategik di dalam negara, serantau dan antarabangsa serta pengiktirafan di peringkat global. Pelbagai program dan aktiviti telah digerakkan sepanjang tahun 2019 bagi mencapai matlamat yang disasarkan.



Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berucap dan melancarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 sebagai salah satu inisiatif kerajaan dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia bebas rasuah dan berintegriti.

Majlis Pelancaran NACP ini turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ismail Bakar; Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional, Jabatan Perdana Menteri (GIACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed; Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato' Sri Mohd Shukri Abdull, barisan Menteri Kabinet, Menteri-menteri Besar serta Ketua Menteri yang turut menerima senaskhah buku NACP.

### Slot promosi pameran

Pada tahun 2019, IIM menggunakan lebih banyak pendekatan promosi secara turun padang iaitu melalui promosi melalui ruang pameran. Dengan pelancaran NACP pada 29 Januari 2019, IIM telah menerima permintaan yang tinggi untuk membuka ruang pameran bagi mempromosikan maklumat mengenai NACP dan juga produk serta instrumen IIM ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.



Tan Sri Abu Kassim Mohamed Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional, Jabatan Perdana Menteri (GIACC), berucap menyampaikan kata aluan kepada semua dif-dif kehormat dan tetamu jemputan yang hadir Majlis Pelancaran NACP



Antara promosi pameran sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut:

Tarikh / Tempat	Tajuk / Program	Jabatan / Agensi
1 29.01.2019	Majlis Pelancaran Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri	JPM/ IIM / GIACC
2 01.03.2019	Let's Get Real on Anti-Bribery – Cultivating a Culture on Integrity Across the Nation	ICLIF
3 27.08.2019	Program Pemantapan Integrity & Governance	ILSAS
4 05.09.2019	Khazanah Integrity Event (KIE)	Khazanah (UEM Group)
5 17.09.2019	Anti-Corruption and Integrity Forum 2019	IIM
6 08 & 09.10.2019	MEF National Conference 2019 : "Future of Work – Challenges & Opportunities"	Malaysian Employees Fedearation (MEF)
7 27.09.2019	Forum perolehan bebas rasuah, aspirasi kita	C4 Malaysia / IIM
8 13 & 14.11.2019	Majlis Perhimpunan Bulanan RISDA & Hari Integriti & Psikologi RISDA 2019	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil, Perusahaan Getah (RISDA)
9 27.11.2019	Sambutan Hari Integriti JPM	Jabatan Perdana Menteri (JPM)
10 25.11.2019	2019 Conference on Corporate Liability Section 17A of the MACC Act 2019	MICG

### Slot promosi dan liputan media

IIM turut menggunakan saluran media utama dalam mempromosikan program dan aktiviti membudayakan integriti. Antara slot promosi dan liputan media sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut :

Program Saluran	Topik	Tarikh	Kategori
1 Biz Malaysia (RTM)	Ketirisan Integriti Gugat Ekonomi Negara	25.01.2019	Temubual
2 Selamat Pagi Malaysia (RTM)	Integriti dan rasuah	17.04.2019	Temubual
3 Utusan Malaysia	IIM dan agenda antirasuah negara	17.09.2019	Temubual
4 Wacana Sinar Harian	Tanggungjawab banteras rasuah di Malaysia	25.06.2019	Temubual
5 Berita Harian	Institut Integriti Malaysia sedia analisis data nilai NACP	10.04.2019	Temubual
6 New Straits Times	Fighting Corruption its not just mere rhetoric	10.04.2019	Berita
7 New Straits Times	Balancing the goals and needs of societies	29.04.2019	Berita
8 New Straits Times	Cohesion, unity with integrity	03.06.2019	Berita
9 BERNAMA	Government's anti-corruption agenda bears fruits	17.09.2019	Berita
10 ASTRO AWANI	Seksyen 17A Akta SPRM: Rundingan masih berlaku	17.09.2019	Berita
11 KOSMO	Pengaruh Politik punca kegagalan semak dan imbang	17.09.2019	Berita
12 Malay Mail	Malaysia fell off the pace over the past two decades due to corruption	17.09.2019	Berita
13 New Straits Times	Malaysia's war against corruption paying dividends	17.09.2019	Berita
14 Berita Harian	KPDNHEP Lancar Pelan Antirasuah Organisasi	22.10.2019	Berita

### Penambaikan Laman Sesawang dan Saluran Media Sosial IIM

IIM melakukan beberapa penambahbaikan bagi menyediakan maklumat-maklumat terkini di laman web dan saluran media sosial rasmi.

Antara penambahbaikan yang dilakukan termasuklah:

- i. Perubahan *layout* di laman sesawang IIM secara keseluruhan yang mempamerkan imej yang lebih korporat selari dengan halatuju IIM yang terkini.
- ii. Penambahan *subtab* iaitu maklumat mengenai produk dan instrumen IIM. Pengunjung / klien boleh mendapatkan maklumat berbentuk risalah yang boleh dimuat turun.
- iii. Penambahan *subtab* direktori iaitu maklumat yang lebih lengkap untuk menghubungi pegawai IIM.
- iv. Pengunjung laman web dan juga media sosial rasmi IIM dianggarkan meningkat sepanjang tahun 2019.

Status sehingga bulan Disember 2019 adalah seperti berikut:



### Lawatan dan Kunjungan

IIM telah menerima lawatan dan kunjungan daripada pelbagai agensi dalam dan luar negara. Siri lawatan ini antara lain diadakan untuk membincangkan hal-hal berkaitan integriti bagi membentuk kerjasama atau menjadi rakan strategik dalam usaha menjayakan agenda integriti. Berikut antara kunjungan yang diterima:

### Laporan Khidmat Pelanggan

IIM telah menubuhkan talian khidmat pelanggan yang diletakkan di bawah seliaan Seksyen Komunikasi Korporat. Fungsi talian khidmat pelanggan yang telah diwujudkan bertujuan untuk memudahkan komunikasi daripada pihak luar yang ingin berhubung dengan pihak IIM. Setiap panggilan yang diterima akan direkod ke dalam *database*

Tarikh	Agenzi / Jabatan	Tajuk / Lawatan
1 09.04.2019	The Kenya Institute of Management & Malaysian Institute of Management	Executive Leadership and Governance Program
2 15.05.2019	Telekom Malaysia	Kunjungan hormat dan sesi perkongsian mengenai produk dan instrumen IIM
3 16.07.2019	National Integrity Comission Republic of Maldives	Kunjungan hormat dan sesi perkongsian mengenai produk dan instrumen IIM
4 19.07.2019	Malaysian Corruption Watch (MCW)	Kunjungan hormat ke IIM
5 02.10.2019	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)	Lawatan sambil belajar Kursus SKAR6084 Projek Penanda Arasan, Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) UKM-SPRM
6 11.10.2019	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM)	Lawatan sambil belajar Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa (SRIM)
7 27.08.2019	The Kenya Institute of Management	International Governance & Leadership
8 23.09.2019	Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)	Kunjungan hormat dan sesi perkongsian mengenai produk dan instrumen IIM.
9 19.12.2019	Blockchain and IOT Academy Asia (BIOTA) & Delagasi daripada Sudan Dr. Sharaf Eldin	Kunjungan hormat dan sesi perkongsian mengenai produk dan instrumen IIM.

khidmat pelanggan IIM. Data diterima membolehkan IIM untuk mengenalpasti isu atau perkara utama yang ingin diketahui oleh pihak luar tentang IIM.

### **Majlis Sambutan Rumah Terbuka Institut Integriti Malaysia**

IIM buat julung kalinya telah menganjurkan Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri 2019 pada 1 Julai 2019 bertempat di Auditorium IIM.

IIM mengambil ruang ini untuk meraikan dan memperkuuhkan lagi hubungan baik dengan pihak luar yang terdiri daripada daripada agensi sektor awam mahupun swasta yang sentiasa menyokong usaha membudayakan integriti.

Seramai hampir 300 tetamu telah hadir yang terdiri daripada rakan strategik IIM, stakeholders, pegawai-pegawai Unit Integriti dan juga pihak media yang sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama erat kepada IIM. Majlis juga turut dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli-ahli IIM

### **Program Sesi Penerangan Pelan Antirasuah Malaysia (NACP) Siri 1**

Sesi Penerangan mengenai Pelan Antirasuah Nasional (NACP) siri 1 telah diadakan pada 10 April 2019 bertempat di Dewan Murni, Menara IIM. Sesi yang kali pertama diadakan ini memfokuskan kepada agensi seperti Government-Linked



Puan Nor'afiza Saim, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IIM dan wakil dari National Integrity Commission Republic of Maldives sedang rancak bertukar-tukar pandangan tentang pelbagai inisiatif pemantapan integriti kedua-dua negara.

Company (GLC) dan Badan Berkanun. Objektif program ini dilaksanakan bertujuan untuk mempersiapkan para peserta yang terdiri daripada Pihak Pengurusan Tertinggi atau Ketua Unit Integriti di GLC dan agensi Badan Berkanun supaya mahir dan menjadi penggerak untuk melaksanakan inisiatif yang terkandung dalam NACP.

IIM sebagai salah satu agensi dibawah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) telah dipertanggungjawabkan bagi membantu dari segi pembangunan kapasiti di dalam sektor awam, swasta dan juga GLCs. Sesi bengkel ini telah dikendalikan oleh dua pegawai IIM yang telah dilantik sebagai *resource person* NACP iaitu Encik Fison Hamdi Ahmad dan juga Encik Rezaidi Mohd Ishak.

Slot pertama dikendalikan oleh Encik Fison Hamdi menerangkan mengenai Apa itu Pelan Antirasuah Nasional? dan juga Fungsi GIACC dan IIM. Manakala slot seterusnya adalah mengenai Tanggungjawab Sektor Awam dan Korporat dalam Menjayakan NACP dan *Guidelines on Adequate Procedure* oleh Encik Rezaidi Ishak.

Bengkel selama empat (4) jam ini turut memberi ruang kepada para peserta untuk mengemukakan sebarang soalan dan cadangan penambahbaikan dalam usaha untuk melaksanakan NACP di peringkat agensi masing-masing.



Antara para pelajar Sarjana sains Sosial (Pengajian Rasuah), Universiti Kebangsaan Malaysia yang hadir ke IIM dan sedang khusyuk mendengar taklimat dari Encik Mohd Yany Yusoff, Ketua Seksyen Pembangunan Perniagaan IIM



▼  
Puan Norsheeda Din, Ketua Unit Pengurusan Acara IIM sedang menyampaikan taklimat berkaitan IIM kepada para peserta.



▼  
Para pelajar dari sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia, Melaka sedang melakukan aktiviti dalam kumpulan sambil diperhatikan oleh Fasilitator IIM



▼  
Para pelajar dari sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia, Melaka bergambar kenangan setelah selesai sesi lawatan



▼ Puan Nor'afiza Saim, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IIM sedang membuat pembentangan dalam Program Let's Get Real on Anti-Bribery – Cultivating a Culture of Integrity Across the Nation yang memfokuskan kepada tajuk Bagaimana Mengurus Risiko Rasuah



▼ Puan Nor'afiza Saim, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IIM dan barisan Ahli Panel forum yang terlibat dalam Program Let's Get Real on Anti-Bribery – Cultivating a Culture of Integrity Across the Nation



▼ Puan Nor'afiza Saim, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IIM menjadi salah seorang pembentang utama dalam Program Conference on Corporate Liability – Section 17A of the MACC Act 2009.



▼ Encik Mohd Yany, Ketua Seksyen Pembangunan Perniagaan IIM sedang memberikan penerangan berkaitan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh IIM kepada Presiden Malaysian Institute of Corporate Governance, Datuk Yusli Bin Mohamed Yusoff.



Haji Nazeri Kahar (Moderator), Sdr. Wan Anwar Wan Ibrahim Naib Ketua Pemuda Amanah Nasional, Haji Jais Abdul Karim, Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) dan Puan Nor'afiza Saim, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IIM sewaktu sesi Wacana Sinar Harian dengan tajuknya "Tanggungjawab Banteras Rasuah di Malaysia" di Dewan Karangkraf, Shah Alam

### **Forum Integrity And Anti-Corruption 2019**

IIM telah menganjurkan forum yang bertajuk *Anti-Corruption and Integrity 2019* bertemakan “Embedding Integrity the Cornerstone of Good Governance”.

Forum dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Abu Kassim, Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) yang telah menyampaikan ucaptama bersemepena dengan penganjuran forum.

Forum ini memperlihatkan usaha dan komitmen kerajaan Malaysia dalam membasmi gejala rasuah serta menaikkan kembali imej negara di mata dunia. Forum yang diadakan selama sehari telah membincangkan topik-topik yang komprehensif berkaitan usaha membanteras gejala rasuah kepada para peserta yang hadir terdiri dari sektor awam dan swasta.

Penganjuran forum telah berjaya mendapatkan pandangan daripada pelbagai sudut berkaitan integriti dan antirasuah. Para panel dan juga peserta telah membincangkan tentang

peranan sektor korporat dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan integriti, tadbir urus dan antirasuah selari dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Liabiliti korporat).

Seperti yang telah diumumkan oleh kerajaan, Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Liabiliti korporat) akan berkuatkuasa pada 1 Jun 2020. Namun kesedaran dan persediaan organisasi komersial mengenai perkara ini masih belum meluas. Peruntukan undang-undang terbaru ini, jika sesebuah syarikat disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 17A, syarikat tersebut boleh dihukum di bawah seksyen 17A (2) yang membawa hukuman denda tidak kurang 10 kali ganda daripada nilai suapan, atau RM1 juta, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, atau dipenjara sehingga 20 tahun, atau kedua-duanya sekali.

Forum telah dihadiri seramai 150 peserta yang terdiri daripada pegawai / pengurusan tertinggi daripada syarikat / agensi di sektor korporat dan kerajaan.



Puan Nor'afiza Saim, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IIM, menjadi antara ahli panel utama dalam Forum Antirasuah & Integriti 2019.



Puan Zareena Izmin, Konsultan dari IIM sedang memberikan taklimat kepada peserta tentang beberapa produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh IIM.



En. Mohd Rais Ramli, Konsultan Kanan Seksyen Profil & Penilaian sedang memberikan penerangan tentang instrumen Profil Integriti Individu kepada peserta Forum Antirasuah & Integriti 2019.

## SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

### Laman Web IIM

Laman Web IIM sentiasa dikemas kini dan pelbagai penambahbaikan terutama terhadap menu utama dan ubah suai terhadap reka bentuk keseluruhan laman web. Bermula 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019, Laman Web IIM telah mendapat kunjungan (*hit*) sebanyak 703,792.

### Pembangunan Laman Web Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC)

IIM telah mengambil inisiatif untuk membangunkan laman web GIACC iaitu [www.giacc.jpm.gov.my](http://www.giacc.jpm.gov.my). Pembangunan laman web ini dapat menyebarluaskan maklumat berkaitan inisiatif tadbir urus, integriti dan antirasuah di Malaysia. Pihak Seksyen ICT juga telah membantu pihak GIACC memindahkan aplikasi dan pangkalan data daripada IIM ke Pusat Data Sektor Awam (PDSA) pada April 2020.

### Menaik taraf Aplikasi Dan Sistem Online IIM

Bagi memantapkan perkhidmatan yang ditawarkan, IIM telah menaik taraf beberapa sistem *online* iaitu Sistem Kewangan (*Auto Count*), Sistem Pemantauan Komputer, dan Sistem Bersepadu IIM (EBOSS) yang merangkumi Sistem Sumber Manusia dan Sistem Operasi Perkhidmatan IIM. Seksyen ICT juga telah menaik taraf beberapa perisian bagi menyokong warga kerja IIM seperti Perisian Dewan Eja 2016, dan Perisian Keselamatan PC.

### Jawatankuasa Pengurusan Dokumen IIM Ke arah Pensijilan ISO 9001 (Sistem Pengurusan Kualiti)

Bagi memastikan perkhidmatan IIM berkualiti dan pengurusan kualiti pada tahap yang terbaik, maka pihak IIM telah mengadakan beberapa bengkel pengurusan seperti di bawah:

I

Bengkel 1: Perbincangan Kualiti Perkhidmatan Operasi Produk IIM (27 Mac 2019)

II

Bengkel 2 : Kesedaran dan Pemahaman ISO 9001 (21 Jun 2019)

III

Bengkel 3 : Dokumentasi ISO 9001 (1&2 Ogos 2019)

IV

Pembangunan Dokumentasi Sistem Kualiti Draf 1 (19 Ogos 2019)

V

Bengkel 4 : Pemurnian Dokumentasi Kualiti (30 Ogos 2019)

VI

Pengumpulan Semula Dokumentasi Sistem Kualiti (30 November 2019)

VII

Bengkel 5 : Risiko Dan Peluang (16 Disember 2019)

## PUSAT PENGURUSAN ILMU (KMC)

Pusat Pengurusan Ilmu merupakan sebuah perpustakaan khusus yang diwujudkan oleh IIM bagi menghimpunkan koleksi bahan bacaan yang khusus berkaitan integriti, etika awam, governans dan antirasuah. Ini selaras dengan hasrat IIM untuk menjadi pemikir perdana negara dalam isu tersebut. Bermula tahun 2019, fungsi Pusat Pengurusan Ilmu dikembangkan lagi dengan meletakkan fungsi penyelidikan dan pembangunan (R&D) dibawah seliaannya.

### Bengkel *Train the Trainer (TTT) for Ethics and Integrity (E&I)*

Pelaksanaan Bengkel TTT yang telah dijalankan pada 20 hingga 22 Ogos 2019 bertujuan untuk melatih tenaga pengajar untuk modul Integriti E&I. Bengkel ini adalah terhad tidak melebihi 20 peserta termasuk 3 orang kakitangan IIM. Fasilitator yang dilantik mempunyai kepakaran dalam bidang *ethics & governance* yang juga merupakan bekas tenaga pengajar PETRONAS. Bengkel ini dijayakan dengan kerjasama seksyen KMC dengan sekysen Latihan (E&I).

KMC ditugaskan membantu dalam menyediakan senarai peserta dalam kalangan individu yang telah dilantik sebagai penceramah *Training of Trainers (ToT)* IIM. Peserta yang dipilih juga mengikut kriteria seperti mempunyai pengalaman dalam bidang *ethics and governance* / Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) / *social & economic*. Penilaian dilakukan untuk memilih dan melantik tenaga pengajar yang berkelayakan bagi bengkel E&I.

### Pendaftaran Konsultan IIM

KMC juga ditugaskan untuk mewujudkan senarai konsultan dan tenaga pengajar (ToT) IIM (pernah dilantik daripada bengkel ToT Siri 1&2 2015/2016) yang mempunyai pengalaman dan kelayakan berdasarkan bidang kepakaran (SME). Tujuannya adalah untuk memudahkan seksyen/unit IIM sekiranya ingin melantik konsultan/fasilitator terlatih mengikut bidang kepakaran (SME). Setakat kini, terdapat 24 konsultan yang telah berdaftar dengan pihak IIM merangkumi pelbagai bidang kepakaran terutamanya dalam bidang *Anti-Bribery Management System (ABMS), Corruption Risk Management (CRM), Risk and Management Integrity and Governance*.

### Pangkalan Data IIM

Fungsi R&D yang digalas oleh KMC juga termasuk membangunkan dan menyusun semula dokumen (instrumen KPIN, slaid KPIN) data-data (cth: data mentah dan analisis KPIN, data fakta-IFIN) kajian sedia ada di IIM diletakkan dalam Portal Kolobratif (buat sementara ini). Input dokumen dan data sedia ada masih dalam penambahbaikan.

### Penilaian Maklum balas Program

Penilaian dijalankan kepada setiap produk-produk seksyen IIM yang mengadakan sesi bengkel bersama-sama organisasi. Antara penilaian yang terlibat adalah program *Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)*, ABMS, dan CRM. Peserta telah memberi penilaian terhadap perjalanan bengkel dan fasilitator/konsultan. Organisasi yang terlibat juga anatara-nya UDA Holdings Sdn Bhd, UWM Corporation, Jabatan Perumahan Negara, MyIPO, YaPEIM, MATRADE, Pejabat SUK Sarawak dan Suruhanjaya Tenaga Nasional. Program *one-off* seperti *Executive Talk Integrity* telah dijalankan sebanyak 3 siri yang terdiri daripada pelbagai agensi termasuk Bursa Malaysia, *Association of Banks in Malaysia* & agensi SME. Penilaian merangkumi maklum balas peserta terhadap program dan tujuh (7) senarai produk-produk IIM yang memerlukan maklumat lanjut. Hasil dapatan maklum balas telah diserahkan kepada ketua seksyen untuk tindakan proses penambahbaikan.

### Inisiatif Pendigitalan IIM

Inisiatif Digital IIM telah diwujudkan sebagai solusi dengan mentransformasikan produk dan perkhidmatan dalam bentuk digital. Tujuannya adalah untuk meningkatkan keberkesanannya pelaksanaan di samping mengurangkan kos operasi sehari-hari. Pelantikan *Task Force Inisiatif Digital (TFID)* dan mesyuarat telah disempurnakan pada November 2019 dengan keahlian dalam IIM seramai 8 orang.

Unit R&D, KMC dipertanggungjawabkan melakukan satu survei untuk menilai aspek jurang digital yang sedia ada di IIM dalam kalangan kakitangan IIM. Hasil dapatan digunakan sebagai panduan untuk membangunkan inisiatif digital dan menambah baik penggunaan teknologi IIM.

# BAHAGIAN OPERASI

Divisyen Operasi merupakan nadi penting kepada Institut Integriti Malaysia dalam mengerakkan pelbagai produk dan perkhidmatan kepada masyarakat. Divisyen Operasi terbahagi kepada empat seksyen utama iaitu Seksyen Sistem Pengurusan, Seksyen Profil & Penilaian, Seksyen Latihan dan Seksyen Pembangunan Perniagaan.

## SEKSYEN SISTEM PENGURUSAN

Seksyen ini bertanggungjawab memberi khidmat konsultansi dan latihan kepada para pelanggan mengenai beberapa sistem pengurusan yang boleh diadaptasikan ke dalam organisasi mereka. Sistem pengurusan ini termasuk ISO 37001 Anti-Bribery Management Systems, atau Sistem Pengurusan Antirasuah, Corruption Risk Management (CRM) atau Pengurusan Risiko Rasuah, dan Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) atau Pelan Antirasuah Organisasi. Sistem-sistem ini juga boleh dijadikan sebahagian daripada pelan strategik organisasi pelanggan bagi memenuhi tatacara mencukupi atau *Adequate Procedures* yang telah digariskan di dalam Garis Panduan Tatacara Mencukupi di bawah subseksyen (5) Seksyen 17(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

### ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS (ABMS)

Rasuah merupakan isu serius dan mencabar yang boleh merosakkan nama baik sesebuah negara di dunia. Menyedari akan hal ini, satu standard baharu telah dibangunkan oleh International Organization of Standardization (ISO) bagi membantu organisasi menentang rasuah dan mempromosikan budaya perniagaan beretika.

ISO 37001 merupakan satu standard sistem pengurusan antirasuah yang membimbing organisasi untuk mengenal

pasti, mengesan, mencegah serta bertindak balas terhadap rasuah. Ini merangkumi langkah dan kawalan yang menepati amalan terbaik antirasuah antarabangsa. Pada masa yang sama, organisasi juga perlu mematuhi undang-undang, peraturan dan komitmen lain secara sukarela.

Berikut merupakan senarai agensi yang terlibat dalam perlaksanaan ABMS dan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019:

	Agenzi	Tarikh
1	UDA Holdings dan 15 anak syarikat	Ogos 2019 – Feb. 2020
2	Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB)	Okt. 2019 – Okt. 2020
3	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	Nov. 2019 – April 2020
	Program	Tarikh
1	Perjumpaan dan Perbincangan tidak rasmi bersama National Integrity Commission of Republic of Maldives	19 Julai



▼ Antara peserta bengkel yang mengambil gambar kenangan bersama Konsultan ABMS dari IIM



▼ Para peserta bengkel sedang aktif menyumbangkan idea dan pandangan dalam sesi percambahan minda yang dilaksanakan.



▼ Puan Zareena Izmin Ismail, Konsultan ABMS dari IIM sedang memberikan taklimat tentang perjalanan bengkel kepada para peserta dari UDA Berhad.

## ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)

Organisational Anti-Corruption Plan atau Pelan Pembangunan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) merupakan salah satu inisiatif mandatori di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) khususnya dalam “Memperkuat Keberkesan Penyampaian Perkhidmatan Awam”.

OACP dirumus dengan tujuan membantu organisasi untuk membangunkan rancangan strategi pelan antirasuah korporatnya sendiri. Ia menggariskan kenyataan masalah, pendekatan dan program yang berkaitan dengan semua aspek dalam memperbaiki perancangan, pelaksanaan tugas dan penyampaian perkhidmatan.

Pelan ini juga bertujuan untuk memperuntukkan sumber yang sesuai untuk memenuhi dasar yang ditetapkan, menentukan jangka masa yang munasabah, menggariskan laluan ke arah pencapaian objektif strategik.



▼  
*Puan Nor'afiza Saim, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IIM menyampaikan ucapan sewaktu sesi Bengkel Pembangunan dan Pengubalan Pelan Antirasuah RISDA yang berlangsung di Pusat latihan RISDA (RISTEC), Port Dickson.*



▼  
*Puan Nor'afiza Saim, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IIM dan delegasi Konsultan OACP, IIM mengadakan sesi kunjungan hormat dan taklimat OACP kepada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.*

Berikut merupakan senarai agensi yang terlibat dalam perlaksanaan OACP dan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019:

	Agensi	Tarikh
1	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	25 - 27 Mei
2	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (KPDNHEP)	12 - 14 Jun
3	Majlis Amanah Rakyat (Mara)	8 - 11 Julai
4	Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)	22 - 26 Julai
5	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	30 Julai - 2 Ogos
6	Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)	6 - 8 Ogos
7	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Ketua Menteri Sabah	23 - 25 Ogos
8	Parlimen Malaysia	27 - 29 Ogos
9	Jabatan Penjara Malaysia	3 - 6 September
10	Majlis Perbandaran Taiping (MPT)	4 - 6 September
11	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	4 - 6 September
12	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan	18 - 20 September
13	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	25 - 27 September
14	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)	25 - 28 September
15	Suruhanjaya /Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang	1,2,3,4 Oktober
16	Jabatan Ketua Menteri Sarawak (JKM Sarawak)	4,5,6 Oktober
17	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	7 - 9 Oktober

18	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	8 - 10 Oktober
19	Kementerian Pertahanan Malaysia (KEMENTAH)	9,10,11 Oktober
20	Jabatan Pertanian Malaysia	23 - 25 Oktober
21	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka	23 - 25 Oktober
22	UMW Corporation Sdn Bhd	30,31 Oktober dan 1 November
23	Perbadanan Harta Interlek Malaysia (MyIPO)	12 - 14 November
24	Kementerian Sumber Manusia (KSM)	18,19,20 November
25	Jabatan Perumahan Negara	20,21,22 November
26	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	24,25,26,27 November
27	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)	3 - 5 Disember

	Program	Tarikh
1	Pembangunan Modul OACP	7 – 9 Ogos
2	Training of Trainers (ToT) JKM Sabah	17 – 18 September
3	ToT CeIO JKM Sarawak	25 – 27 November



► Puan Nor'afiza Saim, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IIM, Dato' Tan Kang Sai, Pengarah Jabatan Integriti KPDNHEP dan Tuan Haji Hamilye Sham Harun, Prinsipal Konsultan OACP IIM sewaktu sesi Bengkel Pembangunan dan Pengubalan Pelan Antirasuah KPDNHEP yang berlangsung di Putrajaya



Para peserta yang menjadi jentera penggerak utama Bengkel Pembangunan dan Pengubalan Pelan Antirasuah KPDNHEP bergambar kenangan bersama-sama Puan Nor'afiza Saim, Dato' Tan Kang Sai, Tuan Haji Hamilye Sham Harun.



► Para peserta Bengkel Pembangunan dan Pengubalan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP), Kementerian Pengangkutan Malaysia bergambar kenangan bersama-sama Konsultan dari IIM setelah tamat sesi bengkel.

## CORRUPTION RISK ASSESSMENT (CRM)

Corruption Risk Management (CRM) adalah merupakan sebuah proses pengurusan yang membantu dalam mengenal pasti inisiatif pencegahan rasuah. CRM berfungsi untuk mengenal pasti kelemahan struktur dalam organisasi yang boleh memudahkan aktiviti rasuah serta menyediakan rangka kerja berasaskan risiko untuk semua kakitangan agar dapat mengenal pasti faktor risiko dan inisiatif pemulihian. Ia juga dapat membantu meningkatkan proses pencegahan rasuah dalam rangka kerja tadbir urus sesebuah organisasi.

CRM menggabungkan teknik menggunakan analisis senario, analisa punca atau sebab dan mengenal pasti skim rasuah. CRM menyediakan penyelesaian pencegahan yang berguna dan praktikal untuk pengurusan.

Secara dasarnya, CRM adalah merupakan sebuah instrumen pengurusan berasaskan risiko yang membantu pengurusan organisasi untuk membangunkan profil risiko rasuah dan pelan tindakan risiko yang dapat meminimumkan pendedahan risiko rasuah.

*Sesi percambahan minda sedang rancak berjalan dengan bimbingan Encik Mohd Rezaidi Mohd Ishak, Ketua Konsultan CRM, IIM.*



*Encik Mohd Rezaidi Mohd Ishak, Ketua Konsultan CRM, IIM sedang memberikan tunjuk ajar bagaimana untuk menggubal CRM kepada peserta bengkel dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak*

Berikut merupakan senarai agensi yang terlibat dalam perlaksanaan CRM dan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019:

	Agensi	Tarikh
1	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (KPDNHEP)	Mac
2	Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)	April
3	Perbadanan Labuan	April
4	Pejabat Setiausaha Kerajaan Perak	Ogos
5	UDA Holdings Sdn Bhd	September - Disember
6	Malaysian Kuwaiti Investment Co Sdn Bhd (MKIC)	Oktober - Disember
7	Perbadanan Kg. Bharu	November - Disember
8	Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd	November 2019 - Februari 2020
9	Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB)	Disember
10	Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP)	Disember 2019 - Februari 2020
	Program	Tarikh
12	Taklimat Instrumen Integriti yang dihadiri oleh seramai 73 pegawai daripada sektor swasta.	15 Julai

## SEKSYEN PENILAIAN DAN PROFIL

Di dalam seksyen ini terdapat beberapa instrumen serta kaedah untuk menilai dan menjana profil sesebuah individu dan organisasi berkaitan integriti dan governans. Seksyen ini bertanggungjawab memberi khidmat konsultansi kepada pelanggan tentang bagaimana mereka boleh menggunakan pelbagai instrumen serta kaedah bagi mengutuhkan integriti dan budaya antirasuah dalam kalangan pekerja dan pihak berkepentingan organisasi mereka. Instrumen-instrumen ini termasuk *Individual Integrity Profile* (IIP) atau Profil Integriti Individu, *Integrity Assessment Tool* (IAT), dan *Community Integrity Building* (CIB) atau Pembangunan Integriti Bersama Komuniti. Instrumen-instrumen serta kaedah-kaedah ini dapat melengkapkan sistem pengurusan organisasi yang sedia ada atau yang akan diguna pakai.

### INDIVIDUAL INTEGRITY PROFILING (IIP)

[Sebelum ini dikenali sebagai Human Governance Profile]

IIP adalah merupakan platform penilaian psikometrik atas talian yang mengukur bukan sahaja produktiviti, kebolehpercayaan dan etika kerja tetapi juga kualiti yang diperlukan untuk berkembang maju dalam tugas yang dilaksanakan.

IIP adalah penyelesaian menyeluruh berdasarkan penyelidikan yang luas dalam sains psikometrik dan ketingkahlahuan. IIP memenuhi piawaian yang diterima pakai di peringkat antarabangsa dan direka sesuai dengan prinsip-prinsip amalan baik yang diiktiraf dalam ujian psikometrik.

*Prof. Emeritus Mark D. Reckase sedang menyampaikan pembentangan dengan disaksikan oleh Puan Nor'afiza Saim, Dr. Rense Lange dan Dr. Haniza Yon sewaktu Simposium Psikometrik Malaysia 2019 yang berlangsung di Institut Integriti Malaysia.*




Dengan menggunakan teknologi penilaian yang canggih, ia mampu menilai kecenderungan individu dalam kebolehpercayaan dan kelakuan yang beretika di tempat kerja.

Berikut ialah senarai agensi yang terlibat dalam perlaksanaan IIP dan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019:

#### Agenzi

- 1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
- 2 Institut Integriti Malaysia (IIM)
- 3 Pustaka Sarawak
- 4 Perbadanan Harta Intelek (MyIPO)
- 5 Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
- 6 Credit Guarantee Corporation (CGC)



Puan Nor'afiza Saim, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IIM dan Dr. Haniza Yon, Presiden Malaysian Psychometrics Association (MPA) telah secara rasminya menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Institut Integriti Malaysia dengan Malaysian Psychometrics Association (MPA).



Antara para peserta yang hadir Simposium Psikometrik Malaysia 2019 bergambar kenangan bersama-sama ahli panel simposium yang terlibat.



▼  
*Encik Mohd Rais Ramli, Konsultan Kanan Seksyen Profil & Penilaian sedang memberikan taklimat berkaitan instrumen Profil Integriti Individu (IIP) kepada peserta yang hadir.*



▼  
*Encik Mohd Rezaidi Mohd Ishak, Ketua Konsultan Seksyen Profil & Penilaian sedang memberikan taklimat berkaitan Instrumen Penilaian Integriti (IAT) dan Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (PIBK)*



▼  
*Para peserta sesi taklimat instrumen IIM merakamkan gambar kenangan bersama-sama Puan Nor'afiza Saim, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IIM.*

## INTEGRITY ASSESSMENT TOOL (IAT)

Integrity Assessment Tool (IAT) adalah merupakan instrumen penilaian organisasi yang dibangunkan untuk mengenal pasti kecenderungan wujudnya rasuah di institusi tertentu.

Instrumen ini menyokong inisiatif integriti korporat, iaitu dalam meningkatkan tadbir urus korporat, etika perniagaan dan tanggungjawab sosial korporat. Ia boleh digunakan untuk menentukan dan menilai kemajuan organisasi ke arah matlamat program jangka pendek dan jangka panjang.

Ia juga digunakan untuk mengesan, mencegah dan memberikan penyelesaian mengenai kes-kes salah laku integriti dan menilai risiko reputasi seluruh perusahaan dengan tujuan untuk menilai risiko rasuah dengan mengenal pasti jurang dan halangan yang dihadapi oleh organisasi dalam mengekalkan tadbir urus yang baik.

Berikut merupakan senarai agensi yang terlibat dalam perlaksanaan IAT dan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019:

	Agensi	Tarikh
1	Duopharma Biotech Berhad	27-28 Mac
2	Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM)	15-16 April
3	UMW Holdings Berhad	25-26 April
4	Malaysian Kuwaiti Investment Co. Sdn Bhd (MKIC)	29-30 April
5	Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB)	20 & 21 Jun

	Program	Tarikh
1	Taklimat berkaitan Instrumen IIM dianjurkan oleh Seksyen CRM, IAT dan CIB.	15 Julai

## COMMUNITY INTEGRITY BUILDING (CIB)

Community Integrity Building (CIB) adalah pendekatan akauntabiliti sosial yang membantu mengenal pasti dan melaksanakan penyelesaian yang bersesuaian bagi meningkatkan tahap integriti komuniti atau pelanggan.

CIB menekankan pada penglibatan masyarakat, advokasi dan kebertanggungjawaban sosial. Tiga aspek CIB boleh membantu keberkesanannya dalam menyelesaikan masalah berkaitan rasuah dan salah guna kuasa iaitu teknik

mengenal pasti pihak yang terlibat dalam birokrasi, fokus pada asas keterangan yang kuat dan penekanan pelaporan telus mengenai pelaporan *Fix-rate*, bukan skala masalah: ini mewujudkan insentif positif bagi pihak berkepentingan utama untuk memberi tumpuan kepada menyelesaikan masalah, bukan pada kritikan.

Berikut merupakan senarai agensi yang terlibat dalam perlaksanaan CIB dan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019:

	Agensi	
1	Majis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	
	Program	Tarikh
1	Bengkel Community Integrity Building (CIB) Majlis Perbandaran Subang Jaya di JKP Zon 10	27 April
2	Program Turun Padang Community Integrity Building (CIB) Majlis Perbandaran Subang Jaya di JKP Zon 10	8 Disember

## Penambahbaikan CIB

CIB telah dikembangkan skop kerja dari sampah, longkang dan rumput (SLR) kepada skop kerja infrastruktur dan penyelenggaraan seperti berikut:

I	Lampu Jalan
II	Jalan Rosak
III	Lampu Trafik
IV	Longkang Rosak
V	Cerun
VI	Laluan Pejalan Kaki

## SEKSYEN LATIHAN

### PROGRAM LATIHAN ETHICS & INTEGRITY (E&I)

Program Latihan Ethics & Integrity memberi tumpuan dalam mengurus conflict of interest, menangani isu dan cabaran berkaitan dengan undang-undang perlaksanaan pencegahan rasuah bagi memperkuuh nilai-nilai, etika dan integriti yang baik.

Dengan perlaksanaan program latihan Ethics & Integrity

di peringkat individu, komuniti dan nasional, ianya dapat membantu membina *role model* di peringkat atasan dan peringkat sokongan.

Berikut merupakan senarai agensi yang terlibat dalam perlaksanaan E&I dan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019:

Nama Program	Agensi	Tarikh
1 Ethics & Integrity	Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) (Siri 1)	27-28 Mac
2 Ethics & Integrity	Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) (Siri 2)	15-16 April
3 Do The Right Thing	Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPSJ)	25-26 April
4 Do The Right Thing	Pejabat Ketua Menteri Sarawak (Siri 1)	29-30 April
5 Do The Right Thing	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) (Siri 1&2)	20 & 21 Jun
6 Ethics & Integrity	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	28-30 Jun
7 Do The Right Thing	Pejabat Ketua Menteri Sarawak (Siri 2)	15-16 Julai
8 Do The Right Thing	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) (Siri 3&4)	24 & 25 Julai
9 Do The Right Thing	Pejabat Ketua Menteri Sarawak (Siri 3)	26-27 Ogos
10 Do The Right Thing	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPIEM)	4-5 September
11 Do The Right Thing	Pejabat Ketua Menteri Sarawak (Siri 4)	30 September - 1 Oktober
12 Do The Right Thing	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) (Siri 5&6)	2 & 16 Oktober
13 Do The Right Thing	Pejabat Ketua Menteri Sarawak (Siri 5)	21-22 Oktober



► Sesi percambahan minda para peserta kursus Do The Right Thing dari YaPEIM sedang rancak berjalan.

Para peserta kursus Do The Right Thing dari YaPEIM bergambar kenangan bersama Encik Fison Hamdi Ahmad, Ketua Konsultan, Seksyen Latihan dan Puan Aimi Amin, Konsultan Seksyen Latihan IIM





Puan Nor'afiza saim, Ketua Pegawai Eksekutif IIM sedang menyampaikan taklimat tentang Corporate Liability Act (17A) kepada para peserta yang hadir.



Encik Fison Hamdi, Ketua Seksyen Latihan, IIM dengan bersemangatnya memberikan taklimat Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023.



Antara peserta terawal hadir mendaftar program penerangan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 yang diadakan di Dewan Murni, Menara IIM.



Peserta program melakukan sesi soal jawab dan mohon pencerahan dari pembentang tentang Corporate Liability Act (17A)



▼  
Encik Abdul Rahim, Fasilitator Program Do The Right Thing sedang memberikan bimbingan kepada para peserta yang terdiri daripada warga kerja Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)



▼  
Para peserta Program Do The Right Thing dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sedang khusyuk mendengar sesi pengajaran yang disampaikan oleh Encik Fison Hamdi, Ketua Seksyen Latihan IIM.



▼  
Para peserta Program Do The Right Thing dari Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bergambar ceria bersama fasilitator dari IIM setelah berjaya menamatkan kursus.



Puan Nor'afiza Saim, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IIM sedang menyampaikan ucapan kepada para peserta bengkel Train the Trainer's modul Etika dan Integriti.

Puan Nor'afiza Saim, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IIM sedang memberikan taklimat tentang Pelan Antirasuah Nasional kepada para peserta yang terdiri daripada pihak pengurusan tertinggi Kementerian Pembangunan Usahawan.



Para peserta bengkel Train the Trainer's modul Etika dan Integriti merakamkan gambar kenangan bersama-sama Puan Nor'afiza Saim, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IIM beserta konsultan dan fasilitator yang terlibat.

### **Program Ceramah Eksekutif mengenai Integriti & Tadbir Urus: Peruntukan Liabiliti Korporat, "Tatacara Mencukupi" & Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP)**

Dalam usaha Malaysia untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi, memerangi rasuah telah menjadi keutamaan negara. Pada 29 Januari 2019, Perdana Menteri YAB Tun Dr Mahathir Mohamad telah melancarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP), 2019-2023. Pelan itu adalah dasar antirasuah yang mencerminkan harapan rakyat untuk negara bebas rasuah serta mempromosikan ketulusan, akauntabiliti dan budaya integriti dalam diri setiap rakyat Malaysia.

Program ini membincangkan perkara-perkara penting NACP dan juga menyentuh mengenai Peruntukan Liabiliti Korporat yang termaktub dalam Akta SPRM, 2009 yang akan mula

berkuat kuasa pada bulan Jun 2020.

Program ini akan membolehkan para pengarah, setiausaha syarikat dan mereka yang bekerja di peringkat pengurusan atasan memahami tentang dasar antirasuah terkini di Malaysia, terutamanya tentang pelaksanaan peruntukan Liabiliti Korporat atau dikenali sebagai Seksyen 17A Akta SPRM, 2009 yang akan memberi kesan kepada entiti komersial sekiranya mereka gagal melaksanakan Garis Panduan yang ditetapkan.

Sepanjang tahun 2019, IIM telah melaksanakan empat siri ceramah eksekutif seperti berikut;

Lokasi	Tarikh
1 Auditorium IIM, Institut Integriti Malaysia	30 Jun 2019
2 The Royale Chulan Damansara Hotel, Petaling Jaya	31 Oktober 2019
3 The Royale Chulan Damansara Hotel, Petaling Jaya	7 November 2019
4 Auditorium IIM, Institut Integriti Malaysia	11 November 2019



Dato' Muhammad Salim Sundar Bin Abdullah, Pegawai Khas kepada Ketua Pengarah GIACC menjadi tenaga pengajar utama dalam Bengkel Train the Trainers NACP yang berlangsung di Dewan Murni Menara IIM



Barisan peserta Bengkel train the Trainers NACP bergambar kenangan bersama Dato' Muhammad Salim Sundar Bin Abdullah dan Puan Nor'afiza Saim, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IIM.

## SEKSYEN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN (BDS)

Seksyen Pembangunan Perniagaan berperanan untuk merangka, merancang, membangun dan melaksanakan pelan perniagaan serta pemasaran dan jualan yang strategik dan komprehensif kepada sektor awam, GLC, badan korporat dan swasta menerusi produk-produk pembangunan kapasiti dan kompetensi integriti negara yang ditawarkan oleh IIM. BDS mempunyai dua unit utama dibawahnya iaitu Unit Jualan dan Pemasaran dan Unit Pengurusan Acara yang telah berkuatkuasa penubuhan pada November 2019.

### **Program Briefing on National Anti-Corruption Plan 2019-2023 & the Role of Private Sector – Guidelines on the “Adequate Procedures”**

Sejak Pelancaran NACP pada Januari 2019, IIM sebagai badan operasi kepada GIACC memainkan peranan untuk turun padang manyampaikan taklimat bagi menguar-uarkan kepentingan NACP dan Tatacara Mencukupi kepada sektor swasta dan juga sektor awam. Program ini telah berjaya dilaksanakan kepada agensi seperti berikut:

Tarikh	Program	Tempat / Masa
1 11 November 2019 (Isnin)	<i>Executive Talk on Integrity &amp; Governance with Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD)</i>	Dewan Murni, IIM 9.00 pagi – 12.30 tengah hari
2 3 Disember 2019 (Selasa)	<i>Briefing on National Anti-Corruption Plan 2019-2023 (NACP) &amp; the Role of Private Sector - Guidelines on the “Adequate procedures”</i>	Padiberas Nasional, Shah Alam 9.00 pagi
3 6 Disember 2019 (Jumaat)	<i>Briefing on National Anti-Corruption Plan 2019-2023 &amp; the Role of Private Sector – Guidelines on the “Adequate Procedures” with The Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM)</i>	Bilik Mesyuarat Utama 10.45 pagi
4 6 Disember 2019 (Jumaat)	<i>Briefing on National Anti-Corruption Plan 2019-2023 &amp; the Role of Private Sector – Guidelines on the “Adequate Procedures”</i>	Johawaki Holding Sdn Bhd 3.00 petang
5 11 Disember 2019 (Rabu)	<i>Briefing on National Anti-Corruption Plan 2019-2023 &amp; the Role of Private Sector – Guidelines on the “Adequate Procedures” kepada Ahli Lembaga Pengarah Institut Jantung Negara (IJN) Sdn. Bhd</i>	IJN Sdn. Bhd 9.00 – 9.20 pagi
6 12 Disember 2019 (Khamis)	<i>Briefing on National Anti-Corruption Plan 2019-2023 &amp; the Role of Private Sector – Guidelines on the “Adequate Procedures”</i>	SUK Kelantan 9.00 pagi
7 13 Disember 2019 (Jumaat)	<i>Briefing on National Anti-Corruption Plan 2019-2023 &amp; the Role of Private Sector – Guidelines on the “Adequate Procedures” kepada Ahli Lembaga Pengarah IJN Holdings</i>	IJN Holdings 9.00 – 9.20 pagi

### Promosi Pemasaran Produk/Servis IIM

Bagi mempromosikan tujuh produk / servis IIM iaitu ABMS, CRM, OACP, IAT, CIP, IIP dan training, BDS turut

melaksanakan aktiviti bertemu pelanggan dengan membuka ruang booth / pameran kepada agensi-agensi sektor awam dan swasta seperti berikut:

Tarikh	Program	Tempat / Masa
1 13 November 2019 (Rabu)	<i>Promosi Pemasaran Produk/Servis IIM: Majlis Pelancaran RISDA Anticorruption Plan 2019 – 2023</i>	Auditorium Sultan Ahmad Shah, RISDA 9.00 pagi – 1.00 petang
2 14 November 2019 (Khamis)	<i>Promosi Pemasaran Produk/Servis IIM: Affin Bank Compliance Week at Affin Bank</i>	Affin Hwang HQ 9.00 pagi – 3.00 petang
3 25 November 2019 ( Isnin )	<i>2019 Conference on Corporate Liability – Section 17A of the MACC Act 2009 with MICG &amp; Suria Group</i>	Shangri-La's Tanjung Aru Resort & SPA Kota Kinabalu 9.00 pagi – 5.00 petang
4 26 & 27 November 2019 (Selasa - Rabu)	<i>Do The Right Thing with SUK Sarawak</i>	Kuching, Sarawak 9.00 pagi
5 27 November 2019 (Rabu)	<i>Promosi Pemasaran Produk/Servis IIM: Sambutan Hari Integriti JPM 2019</i>	Auditorium Blok B1, Kompleks JPM 9.00 pagi – 2.00 petang
6 2 Disember 2019 ( Isnin )	<i>Majlis Sambutan Hari Integriti Suruhanjaya Komunikasi &amp; Multimedia Malaysia (MCMC)</i>	Aras 21, Auditorium MCMC Tower 1, MCMC Cyberjaya 9.00 pagi – 1.00 petang
7 4 Disember 2019 (Rabu)	<i>Seminar on Business Ethics and Integrity Enhancing Business Success Through Ethical Practice</i>	Royale Chulan Damansara Hotel, Petaling Jaya 8.15 pagi – 5.00 petang
8 12 Disember 2019 (Khamis)	<i>Unmasking The Corrupt Through Beneficial Ownership Transparency</i>	Sheraton Imperial Kuala Lumpur Hotel 8.15 pagi – 1.00 petang
9 16 Disember 2019 ( Isnin )	<i>Promosi Pemasaran Produk/Servis IIM: Malaysia Airports</i>	Gateway Ball Room Sama-Sama Hotel, KLIA 9.00 pagi – 5.00 petang
10 18 Disember 2019 (Rabu)	<i>"Together We Inspire" Rebranding Launch Of Duopharma Biotech Berhad</i>	Grand Ballroom Four Seasons Hotel, Kuala Lumpur 10.30 pagi – 2.00 petang
11 18 Disember 2019 (Rabu)	<i>"The Future of Malaysia: Building a Sustainable Ecosystem for All" by Malaysian Institute of Management (MIM)</i>	Shangri-La, Kuala Lumpur 10.45 pagi – 2.00 petang



Ahli panel dan peserta sedang rancak membincangkan isu, cabaran dan strategi membanteras rasuah di Malaysia



Para peserta dan ahli panel bergambar kenangan setelah selesai program.



Puan Nor'afiza saim,  
Ketua Pegawai  
Eksekutif IIM sedang  
menyampaikan taklimat  
tentang dokumen Pelan  
Antirasuah Nasional  
dan Corporate Liability  
Act (17A) kepada para  
peserta yang hadir.

Peserta program terlibat  
